



25 FEB, 2026

Had pusat data baharu tanpa elemen AI

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Kerajaan had pusat data bukan AI

Mukasurat 6

KERAJAAN mengehendkan kemasukan pusat data baharu yang tidak berkaitan dengan kecerdasan buatan (AI) sejak hampir dua tahun lalu bagi mengurangkan tekanan terhadap tenaga dan bekalan air negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tegas beliau, langkah itu diambil susulan lonjakan penggunaan tenaga dan air akibat operasi pusat data, namun projek berteknologi tinggi dan berkaitan AI terus diberikan pertimbangan.



25 FEB, 2026

Had pusat data baharu tanpa elemen AI - PM

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

Had pusat data baharu tanpa elemen AI - PM

Kurangkan tekanan grid tenaga dan bekalan air negara

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengehendkan kemasukan pusat data baharu yang tiada kaitan dengan kecerdasan buatan (AI) sejak hampir dua tahun lalu bagi mengurangkan tekanan terhadap grid tenaga dan bekalan air negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan itu dibuat bagi mengelak gangguan bekalan kepada pengguna domestik dan industri kecil dan sederhana (IKS).

Mengakui terdapat lonjakan penggunaan tenaga dan air berikutan operasi pusat data, Anwar bagaimanapun berkata, unjuran menunjukkan Malaysia ketika ini masih mempunyai keupayaan memastikan bekalan mencukupi.

"Kalau ada manfaat dari sudut penambahan teknologi tinggi dan AI, itu mudah diluluskan.

"Jadi, semua permohonan baharu yang tidak ada kaitan (dengan AI), hanya pusat data kerana menggunakan kemudahan air dan harga tenaga yang lebih murah. Itu sudah pun dihentikan," katanya ketika sesi pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab pertanyaan tambahan **Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut)** mengenai kesan Rang Undang-undang (RUU) Tadbir Urus AI kepada penggunaan tenaga dan air serta usaha memastikan bekalannya mencukupi bagi pengguna domestik.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, 876 juta liter air sehari diperlukan bagi menampung operasi 104 pusat data di Malaysia pada 2025, jumlah bersamaan keperluan harian hampir empat juta rakyat berdasarkan purata penggunaan domestik sekitar 228 liter seorang sehari.



ANWAR

Angka didedahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) itu menyerlahkan skala penggunaan air industri digital yang semakin berkembang seiring ledakan pelaburan pusat data bernilai berbilion ringgit di negara ini.

Sementara itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bekalan tenaga dan air negara masih berkeupayaan untuk menanggung kegunaan pusat data baharu bagi tempoh satu hingga dua tahun.

Dalam perkembangan lain Anwar memaklumkan Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) masih belum berkuat kuasa kerana perlu melalui proses ratifikasi selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

LAPORAN MUKA DEPAN



Laporan Sinar Harian Jumaat lalu.